

EKONIAGA

Paras kepuasan pengguna tertinggi tapi jatuh bagi lima sektor

PARAS kepuasan pelanggan pada sektor makanan dan minuman (F&B), runcit dan pelancongan susut mendadak tahun lalu, sedang peniaga bergelut bagi meningkatkan mutu perkhidmatan mereka.

Bagaimanapun, secara keseluruhannya, paras kepuasan pelanggan di Singapura melonjak ke paras tertinggi tahun lalu, didorong prestasi positif sektor kewangan, insurans dan jagaan kesihatan.

Demikian menurut Indeks Kepuasan Pelanggan Singapura (CSISG) yang dikeluarkan Institut Kecemerlangan Perkhid-

matan Universiti Pengurusan Singapura (Ises) semalam.

Indeks nasional itu meningkat buat empat suku berturut-turut kepada 71.1 mata, bertambah 0.6 peratus daripada 2013.

Ini empat tahun berturut-turut indeks tersebut menunjukkan pemulihan dan mencatat kenaikan rekod sejak ia dimulakan pada 2007.

Prestasi lebih baik itu dirangsang oleh sektor kewangan dan insurans, yang meningkat 4.7 peratus kepada 72.4 mata, manakala sektor jagaan kesihatan bertam-

bah 1.6 peratus kepada 71 mata.

Ises menjelaskan bahawa memandangkan sektor-sektor tersebut menyumbang bahagian besar kepada ekonomi, prestasi lebih tinggi itu dapat mendorong paras kepuasan keseluruhannya.

“Secara bersama, dua sektor ini – kewangan dan insurans – serta jagaan kesihatan dapat merangsang indeks nasional CSISG berada dalam keadaan positif,” ujar Ises.

Namun, paras kepuasan pelanggan lima sektor lain yang ditinjau merosot. In-

deks kepuasan pelanggan sektor runcit merosot 3.5 peratus kepada 69.6 mata,

Empat lagi sektor yang merosot ialah pengangkutan dan logistik (turun 0.8 peratus kepada 72.1 mata); makanan dan minuman (susut 0.8 peratus kepada 65.8 mata); pelancongan (turun 7.3 peratus kepada 69.1 mata); dan pendidikan privet (turun 8.9 peratus kepada 65.8 mata).

Paras kepuasan pelanggan sektor perhubungan maklumat dan pendidikan awam tidak berubah – sama pada paras 2013.

TUKARAN ASING

Mata wang	Tukaran bagi \$1	Mata wang	Nilai Tukaran
RM	2.697	AS\$ (S\$ bagi AS\$1)	1.360
Rupiah	9,559	Euro (S\$ bagi 1 Euro)	1.472
Baht	23.88	Paun (S\$ bagi 1 paun)	2.013
Aust\$	0.971		
Yen	87.91		
Peso F	32.67		
Ruppee	45.94		
Riyal S	2.758		
HK\$	5.699		
NZ\$	0.983		
Renminbi	4.556		

ZAKAT HARTA

Kadar nisab:

S\$4,638